

Sabtu, Apr 14 2018

Status tanah Kampung Baru kekal milik Melayu

➔ Pembangunan tetap dilaksanakan demi manfaat penduduk

Bt 14/4

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Status pegangan tanah di Kampung Baru kekal kepada pemilikan Melayu, tanpa mengetepikan kepentingan pembangunan di kawasan strategik itu.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata pembangunan tetap dilaksanakan di kampung berkenaan secara berperingkat untuk manfaat kepada pertumbuhan penduduk di situ.

"Status tanah itu kekal kepada pemilikan Melayu selagi ada 'bulan dan bintang'. Itu sudah ada dalam perjanjian sebelum ini kerana tanah lot di kawasan ini dianugerahkan Sultan Selangor kira-kira 118 tahun lalu.

"Ramai yang tidak faham isu berbangkit dengan Kampung Baru dan menuduh (terutama pembangkang) kerajaan tidak melaksanakan pembangunan di kawasan itu," katanya pada majlis penyerahan rumah Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Bhd (TNB) peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Kampung

Baru, semalam.

Yang turut hadir Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Kuala Lumpur, Bahagian Pembahagian TNB, A Sivasan.

Projek Baiti Jannati TNB yang mula dilancarkan pada 2007 adalah program tanggungjawab korporat TNB untuk membaiki rumah golongan memerlukan.

Saiz tanah kecil

Sehingga 11 April lalu, 547 rumah dibaiki di seluruh negara membabitkan kos RM22.32 juta.

Johari berkata, kerajaan sentiasa berusaha membantu penduduk

Kampung Baru, tetapi berdepan pelbagai kekangan terutama saiz tanah kecil dan isu pemilikan.

"Kebanyakan pemilikan lot di Kampung Baru kecil menyebabkan ia sukar dibangunkan dalam konteks pembangunan moden.

"Jika ada peluang menggabungkan keluasan lot itu selepas mendapat keizinan (sukarela) pemilik tanah, lebih ramai pemaju berminat bangunkan kawasan itu.

"Jika masalah itu masih sukar diatasi kita tetap berusaha membangunkan kawasan berkenaan supaya tidak dilihat seperti kawasan setingan sebagaimana diper-

katakan pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Johari yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa berkata, pembangkang tidak perlu mempolitikkan mengenai pembangunan Kampung Baru kerana mereka tidak faham dan mengenali masalah kawasan itu.

"Mereka (pembangkang) datang ke sini lima tahun sekali, terus hendak jadi hero.

"Saya juga nak 'sekolahkan' mereka. Kampung Baru bukan tanah setingan. Kalau tanah setingan senang dibangunkan. Ini adalah tanah lot yang mempunyai pewaris," katanya.



Johari (kanan) dan Sivasan (tengah) menyerahkan replika kunci rumah kepada penerima Projek Baiti Jannati TNB peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Kampung Baru, semalam.